

Bab III

BAB III

Muhammad Syaḥrūr Dan Pengenalan Bukunya

3.1. Pengenalan

Dalam bab yang ketiga, tumpuan kajian adalah kepada dua aspek iaitu: riwayat hidup Muhammad Syaḥrūr dan pengenalan terhadap kitabnya. Pertama sekali adalah menerangkan riwayat hidup Muhammad Syaḥrūr, karier akademik yang beliau peroleh dan penerangan berkaitan karya-karyanya. Kedua, memperkenalkan buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dengan membongkar segala maklumat yang berkaitan, mulai dari masa penulisan, kandungan perbincangan buku dan dorongan penulisannya serta penjelasan berkaitan metodologi penyusunan kitab tersebut. Perbincangan yang kedua akan membawa satu pendedahan terhadap kaedah penyusunan yang telah dilakukan dan istilah-istilah yang diguna pakai oleh Muhammad Syaḥrūr dalam menulis karya beliau.

Walaupun diketahui bahawa karya ini adalah merupakan sebuah karya kontroversi yang mengundang banyak tanggapan dan kritikan baik dari dalam dunia Islam mahupun Barat namun ia tidak menghalang penulis untuk melakukan pendedahan dan analisis terhadap teori hermeneutik yang terkandung di dalamnya. Ini kerana buku tersebut adalah buku pertama yang dihasilkan oleh beliau dalam kajian Islam sebagai dasar pemikiran dalam tulisan-tulisan beliau yang selanjutnya.

3.2. Riwayat Hidup Muḥammad Syaḥrūr

Muḥammad Syaḥrūr ialah seorang doktor teknik dari Damsyik Syria yang terkenal dengan keilmuan dan keintelektualnya. Beliau mempelajari falsafah dan linguistik Arab, kemudian mengaplikasikannya kepada pengajian al-Quran. Beliau menghasilkan sebuah buku yang di katakan memberikan wacana baru dalam pemikiran Islam¹ dalam buku tersebut beliau merujuk kepada pandangan-pandangan ulama klasik untuk di ubahsuai dan diselaraskan dengan pemahaman kontemporari².

Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut mengenai pemikiran Muḥammad Syaḥrūr, dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*, penulis akan memperkenalkan terlebih dahulu riwayat hidup Muḥammad Syaḥrūr serta karier akademik beliau dan karya-karyanya. Tujuannya adalah untuk mengenali beliau dari sudut pemikirannya secara lebih mendalam, meskipun kebanyakan sarjana mempertikaikan pemikiran intelektual beliau, kerana latar belakang pendidikan beliau adalah jurutera yang mengaplikasikan teori linguistik terhadap pengajian al-Quran.³ Oleh itu, kajian yang beliau hasilkan mengenai pengajian Islam banyak yang dipersoalkan oleh para sarjana Islam. Akan tetapi menerusi tulisan beliau, dapat dilihat bahawa Muḥammad Syaḥrūr sememangnya telah mengkaji secara mendalam ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kajiannya bagi menghasilkan karya pertama, iaitu: *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* yang akan penulis terangkan kemudian⁴.

¹ Muhammad Syaḥrūr (1990), *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. cet. 1, Damsyik: al-'Ahālī.

² *Ibid.*, h. 35.

³ Charles Kurzman (2001), *Wacana Islam Liberal: Pemikiran Islam Kontemporer tentang Isu-isu Global*. Bahrul Ulum dan Heri Junaidi, (terj.), Jakarta: Paramadina, h. 210.

⁴ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 46 – 47.

3.2.1. Nama dan Kelahirannya

Nama beliau adalah Muḥammad Syaḥrūr bin Dīb. Beliau dilahirkan pada 11 Mac 1938 M. di Ṣāliḥiyyah Damsyik. Muḥammad Syaḥrūr adalah anak kelima daripada lima orang adik beradik. Ayah beliau bernama Dīb Syaḥrūr dan ibu beliau bernama Ṣiddīqah binti Ṣālih Flyūn⁵. Muḥammad Syaḥrūr berkahwin dengan Azīzah dan kemudian dikurniai empat orang anak, tiga orang laki-laki dan seorang perempuan. Mereka ialah Laīth, Bāsīl, Maṣūn dan Raymā⁶.

3.2.2. Karier Akademik

Dalam memulakan pengajiannya, Muḥammad Syaḥrūr belajar di lembaga pendidikan ‘Abd al-Raḥman al-Kawākibiy di kawasan al-Mīdān iaitu yang terletak di sebelah selatan kota Damsyik, Syria⁷. Di lembaga ini beliau belajar dari peringkat rendah sampai ke peringkat *Thanāwiyyah*. Beliau habis belajar di sekolah rendah pada tahun 1949. Di peringkat menengah (*I’dādī*) beliau selesai belajar pada tahun 1953 dan pada peringkat (*Thanāwiyyah*) pada tahun 1957⁸.

Selepas tamat sekolah pada peringkat (*Thanāwiyyah*), beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan sarjana di Moscow Rusia, iaitu di bandar Saratow, untuk mempelajari teknik (*Handasah al-Madāniyyah*) melalui biasiswa kerajaan tempatan. Di negeri itulah beliau mula mengagumi pemikiran Marxisme⁹ dan Hegel¹⁰ terutama teori Dialektik (*Jadāliyyah*)¹¹.

⁵ Muḥammad Syaḥrūr (2000), *Naḥw ‘Usūl Jadīdah li Fiqh al-Islāmiy*. cet.1. Damsyik: al-’Ahālī, h. 9.

⁶ *Ibid.*

⁷ Lihat laman web: <http://www.shahrour.org/background.php>. 09 Mac 2007 .

⁸ *Ibid.*

⁹ Marxisme: ialah teori politik, sosial dan ekonomi. Karl Heinrich Marx (5 Mei 1818 – 14 Mac 1883) yang memperjuangkan kesamaan taraf manusia tanpa kelas atau kasta dan kapitalisme. Lihat: e-Kamus versi 5.01. edisi Profesional, lihat juga laman web: http://ms.wikipedia.org/wiki/Karl_Marx. 8 Mac 2007.

Muhammad Syaḥrūr memperoleh Diploma dalam bidang teknik pada tahun 1964.¹² Setelah itu Syaḥrūr kembali ke Syria untuk bertugas sebagai Penolong Pensyarah di Fakulti Teknik, Universiti Damsyik, Syria. Setahun kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Irland di Universiti Dublin dalam bidang yang sama. Pada tahun 1967,¹³ beliau melakukan penyelidikan di Imperial College, London. Pada bulan Jun pada tahun tersebut, terjadinya perang antara Syria dan Israel yang mengakibatkan hubungan diplomatik antara Syria dan Inggeris¹⁴ menjadi renggang. Namun hal tersebut tidak menghalangnya daripada menyelesaikan pengajian beliau di Dublin. Ini terbukti apabila beliau berjaya menyelesaikan program MA dan Ph.D di bidang Mekanik tanah (*Soil Mechanics*) dan teknik bangunan (*Foundation engineering*) di Universiti berkenaan¹⁵.

Muhammad Syaḥrūr memperoleh gelaran Doktor pada tahun 1972¹⁶. Semenjak itulah beliau secara rasmi menjadi tenaga pengajar di Universiti Damsyik, Syria. Kemudian pada tahun 1999, beliau memperoleh gelaran Profesor Teknik di Universiti Damsyik, Syria¹⁷.

¹⁰Hegel: ialah Georg Wilhelm Friedrich Hegel, lahir pada 27 Ogos 1770 di Stuttgart Jerman, meninggal pada 14 November 1831 di Berlin, Germany. Beliau di kenal seorang filsuf Jerman, idealis objektif. Filsafat Hegel menjadi puncak idealis Jerman pada masa akhir abad ke-18 permulaan abad ke-19. Pengolahan dialektik secara mendalam dan dari segala aspek yang menjadi jasa bersejarah. Dialektiknya menjadi salah satu sumber teori dan metode, bagi kelompok Materialisme. Lihat laman web: <http://en.wikipedia.org/wiki/Hegel> (23 Mac 2007).

¹¹ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 46.

¹² Lihat laman web: <http://www.shahrour.org/background.php> 09 Mac 2007 .

¹³ Temubual yang di laksanakan oleh wakil dari penulis iaitu: Mohammad Zubair Moehdir LC. Pelajar Sarjana di Universiti al-Fatāḥ Damsyik, Syria dengan Muhammad Syaḥrūr. Pada hari Khamis 2 Februari 2007. Jam 19. 30 waktu Syria. Di pejabat konsultan teknik, Jisr al-'Abyād jalan al-Ra'is Damsyik, Syria.

¹⁴ Andres Christmann, (2003), "*The From is Permanet, but the Content Moves: The Quranic Text and its Interpretation in Mohamad Shahrour al-Kitāb wa al-Qur'ān*". Jurnal *Die Welt des Islams*. Bil. 2. h. 143 – 144.

¹⁵ Temubual pada hari Khamis 2 Februari 2007. *op.cit.*

¹⁶ Lihat laman web: <http://www.shahrour.org/background.php> 09 Mac 2007

¹⁷ Andres Christmann (2004), (Kata Aluan) *Metodologi Fiqih Islam Kontemporer*. Sahiron Syamsuddin (terj.), Yogyakarta: eLSAQ Press, h. 19.

Selain sebagai pensyarah, Syaḥrūr juga menjadi konsultan teknik. Pada tahun 1982 – 1983, beliau dihantar oleh pihak universiti ke negara Arab Saudi untuk menjadi staf di *al-Sa‘ūd Consult Saudi Arabia*. Selain itu, beliau juga membuka pejabat konsultan teknik *Dār al-Istisyārāt al-Handasiyyah* di Damsyik bersama beberapa rakannya di Fakulti¹⁸.

3.2.3. Karya-karya Muḥammad Syaḥrūr

Untuk mengenal karya-karya Muḥammad Syaḥrūr, secara garis besar karya-karya beliau dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu karya berbentuk buku dan artikel. Berikut penjelasan mengenai karya-karya tersebut:

3.2.3.1. Buku

Secara kasar karya-karya Muḥammad Syaḥrūr dalam bentuk tulisan terbahagi menjadi dua kategori, pertama dalam bidang teknik dan kajian Islam. Di dalam bidang teknik beliau menghasilkan dua buku iaitu:

- a. *Al-Handasah al-Asāsiyyah* dalam tiga jilid
- b. *Al-Handasah al-Turābiyyah*¹⁹.

Selanjutnya karya beliau dalam bidang pengajian Islam yang dikenali dengan kajian Islam kontemporari *Dirāsāt Islāmiyyah Mu‘āṣirah*. Beliau menghasilkan empat

¹⁸ Lihat laman web: <http://www.shahrour.org/background.php> 09 Mac 2007.

¹⁹ Penulis tidak mengulas terhadap karya ini kerana tidak ada kaitan dengan kajian.

buku dalam bentuk bersiri. Sekarang beliau sedang menyiapkan buku yang kelima, dengan tajuk *Tajfīf Manābi' al-Irhāb*²⁰. Karya-karya tersebut sebagaimana berikut:

a. *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*

Buku ini adalah karangan Muḥammad Syaḥrūr yang pertama dalam pengajian Islam yang dihasilkan oleh beliau selama dua dekad. Beliau mendapat bimbingan daripada sahabatnya iaitu Ja'far Dakk al-Bāb²¹ bagi memahami linguistik al-Quran untuk berinteraksi dengan wacana abad ke-20.

Isi kandungan buku ini secara kasarnya meliputi empat tema penting iaitu: Dalam bab pertama mengenai istilah-istilah yang terkandung dalam al-Quran dan mencakupi enam pembahasan iaitu:

Pertama: membahaskan mengenai istilah-istilah baru yang membezakan antara *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*, yang menurut pemahaman klasik dianggap sebagai kalimah yang memiliki erti yang sama (sinonim). Dalam bab ini juga, beliau mendefinisikan istilah *al-Dhikr* dan *al-Furqān*²².

Kedua: *al-Qur'ān* dan *al-Sab'u al-Mathānī*, yang meliputi pembahasan mengenai kalam Allah (*Kalimāt Allah*), kandungan al-Quran, juga membahaskan mengenai al-Quran yang mengandungi ayat-ayat *al-Bayyināt* (pembuktian) dan al-Quran sebagai *Kitāb Mubārak*. Kemudian beliau menerangkan mengenai *Asbāb al-Nuzūl* yang menurut beliau hanya terbatas kepada ayat-ayat hukum

²⁰ Temu bual dengan Muḥammad Syaḥrūr 02 Februari 2007. *op.cit.*

²¹ Ja'far Dakk al-Bāb. Beliau adalah seorang doktor dalam bidang linguistik Arab, beliau dilahirkan di Damsyik. Pada tahun 1937 M. Beliau wafat pada tahun 1999 M. Di antara karya-karya beliau adalah: *Asrār al-Lisān Arab* (1990), *al-Nazariyah al-Lughawiyah al-Arabiyyah al-Ḥadithah* (1996). Lihat: Biografi dalam laman web: <http://www.awu-dam.org/dalil/07dal+zal/dlii022.htm> 12 Mac 2007

²² Penjelasan dan pendefinisian istilah-istilah akan dijelaskan dalam tajuk: kata kunci membaca *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dan istilah-istilah.

dan *Tafṣīl al-Kitāb*²³ sahaja. Oleh itu, *Asbāb al-Nuzūl* tidak berlaku kepada al-Quran kerana al-Quran telah diturunkan secara sekali gus²⁴. Kemudian beliau menjelaskan mengenai istilah *al-Ḥadīth*²⁵ yang hanya berlaku kepada al-Quran, kemudian menjelaskan mengenai istilah *al-Qiṣāṣ* yang menurut beliau adalah sebahagian daripada kandungan al-Quran,²⁶ juga menjelaskan mengenai istilah *al-Sab‘u al-Mathānī*²⁷.

Ketiga: Tentang kenabian dan kerasulan (*al-Nubuwwah wa al-Risālah*).

²³ *Tafṣīl al-Kitāb* adalah: Penghimpunan secara konkrit antara satu ayat dengan ayat yang lain dalam *al-Kitāb*. Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 121.

²⁴ Seperti mana dijelaskan dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah (2): 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ

Maksudnya: (Masa yang Diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 185

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Qadar (97):1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar.

Terjemahan surah al-Qadar (97):1

Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 93.

²⁵ Istilah *al-Ḥadīth* ini diambil dari analisis beberapa ayat yang terdapat dalam. Menurut Muḥammad Syaḥrūr berasal dari kata kerja *Ḥadasa* bermakna kejadian, istilah *al-Ḥadīth* merangkumi kejadian alam, manusia, sejarah dan perundangan yang saling terkait antara satu dengan yang lainnya. Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 93.

²⁶ Istilah *al-Qiṣāṣ* ini dari pemahaman Muḥammad Syaḥrūr terhadap ayat-ayat al-Quran yang merangkumi beberapa kisah-kisah umat terdahulu, kisah-kisah tersebut adalah sebagai penjelasan terhadap kandungan al-Quran. Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 95.

²⁷ Fikrah ini diambil dari kesimpulan Muḥammad Syaḥrūr dalam memahami firman Allah yang terdapat dalam surah al-Ḥijr (15): 87:

وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِّنَ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنَ الْعَظِيمَ

Maksudnya: dan Sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (Wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh Al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnya.

Terjemahan surah al-Ḥijr (15): 87

Dalam ayat tersebut lafaz al-Quran di ‘*Aṭaf*-kan kepada *al-Sab‘u al-Mathānī*, dari ayat tersebut beliau berkesimpulan bahawa *al-Sab‘u al-Mathānī* tidaklah bagian dari al-Quran berlandasan dari fungsi *Aṭaf* dalam gramatis Arab adalah *Li Taghyir* tidak sama. Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 96.

Keempat: Tentang Konsep *Inzāl* dan *al-Tanzīl*.

Kelima: Tentang kemukjizatan al-Quran dan takwilannya.

Keenam: Pembahasan mengenai *Syajarah al-Dhikr* (Kategori *al-Dhikr*) iaitu ulasan mengenai beberapa istilah yang digunakan dalam bab dan fasal sebelumnya²⁸.

Dalam bab kedua membincangkan mengenai relasi dialektik antara Alam dan Manusia (*Jadal al-Kawn wa al-Insān*). Bab ini mengandungi empat sub penting:

Pertama: Sistem Dialektik dalam alam semesta.

Kedua: Dialektik manusia dan pengetahuan (*Ma'rifah*).

Ketiga: Teori Makrifat dalam perspektif al-Quran.

Keempat: Pembahasan mengenai usia manusia serta penentuan rezekinya.

Dalam bab selanjutnya iaitu bab ketiga, beliau menerangkan mengenai '*Umm al-Kitāb* (Induk al-Quran) dan *al-Sunnah* serta *al-Fiqh*, dan di dalam bab ini mengandungi tiga sub penting:

Pertama: '*Umm al-Kitāb*²⁹ yang mengandungi erti *risālah* (kerasulan).

Kedua: Pembahasan mengenai *al-Sunnah*.

Ketiga: menjelaskan mengenai *al-Fiqh al-Islāmi*.

²⁸ *Ibid.*, h.h. 213 – 216.

²⁹ Muḥammad Syaḥrūr berkesimpulan bahawa '*Umm al-Kitāb* adalah bahagian dari Ayat-ayat *Muḥkamat* yang berlaku terhadapnya *Asbāb al-Nuzūl* dan *al-Nāsikh wa al-Mansūkh*, hal tersebut beliau fahami dari firman Allah dalam surah Āli 'Imrān (3): 7;

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dia lah yang menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab suci Al-Quran. sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutashaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya).

Dalam bab terakhir iaitu bab keempat, beliau mengulas mengenai isi kandungan al-Quran iaitu:

Pertama: Hasrat manusia (*al-Syāhwāt al-Insān*) yang terkandung dalam al-Quran serta sistem ekonomi menurut Islam.

Kedua: Menerangkan *Qiṣāṣ* (kisah) dalam al-Quran termasuk cerita Nabi-nabi serta pemahaman erti *Qiṣāṣ* dalam al-Quran. Kemudian dalam sub yang terakhir iaitu penutup, beliau menjelaskan mengenai pengertian Islam, ketatanegaraan, pemisahan antara Agama dan Negara, serta krisis pemikiran intelektual di kalangan bangsa Arab dan menjelaskan mengenai Arabisme dan Islam³⁰.

Buku ini mengandungi 738 halaman. Ia diterbitkan oleh al-'Ahālī, Damsyik. Cetakan pertamanya adalah pada tahun 1990. Sampai sekarang dengan cetakan ke sepuluh³¹. Kelemahan pada buku ini adalah, Syaḥrūr jarang menyebutkan sumber-sumber rujukan dan catatan kaki, tetapi dalam karya berikutnya, beliau ada juga menyebutkan rujukan termasuk catatan kaki bahkan dalam karya beliau yang keempat iaitu *Naḥw 'Usūl Jadīdah li Fiqh al-Islamiy*, selain menyebutkan rujukan, beliau juga menyebutkan bibliografi³².

b. *Dirāsāt Islāmiyyah Mu'āṣirah fī al-Dawlah wa al-Mujtama'*

Pengajian Islam Kontemporari Terhadap Negara dan Masyarakat, merupakan buku kedua yang ditulis oleh Muḥammad Syaḥrūr mengenai kajiannya terhadap Islam³³.

³⁰ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 14 - 16.

³¹ Andres Christmann, (2003), *op.cit.*, h 153.

³² Muḥammad Syaḥrūr (2000), *op.cit.* h.h. 1 – 4.

³³ Muḥammad Syaḥrūr (1994), *Dirāsāt Islāmiyyah Mu'āṣirah fī al-Dawlah wa al-Mujtama'*, c. 9. Damsyik: al-'Ahālī.

Buku ini menerangkan tentang pembacaan kontemporer terhadap sistem negara dan masyarakat, dari perspektif al-Quran (*al-Tanzīl al-Ḥakīm*). Beliau juga mengulas mengenai pembentukan keluarga (*'Ushrah*), etnik atau kaum (*al-Ummah*), Nasionalisme (*al-Qawmiyyah*) dan Bangsa (*al-Sy'ab*) dari perspektif sejarah, serta perbezaan dalam istilah-istilah tersebut.

Dalam buku ini Muḥammad Syaḥrūr memberikan pemahaman moden terhadap kebebasan dan demokrasi, juga menerangkan mengenai pengaruh politik dalam menjumudkan ilmu-ilmu al-Quran, Hadis dan Fikah.

Muḥammad Syaḥrūr melakukan kajian, analisis dan pemahaman terhadap makna dan pengertian lafaz yang terkandung dalam *al-Tanzīl* (al-Quran), kemudian beliau membuat kesimpulan bahawa kebebasan dan ilmu adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan di antara keduanya³⁴.

Secara garis kasar isi kandungan buku ini mengandungi sembilan fasal yang kesemuanya membincangkan mengenai Negara dan Masyarakat. Pada fasal yang pertama, beliau membincangkan mengenai (*'Ushrah*) keluarga dan perkembangannya sehingga membentuk sebuah negara, kemudian membahaskan mengenai pertumbuhan masyarakat³⁵. Fasal kedua membahaskan mengenai (*al-Ummah*)³⁶, etnik atau kaum. Fasal ketiga membahaskan mengenai (*al-Qawmiyyah*)³⁷ Nasionalisme. Fasal keempat membahaskan mengenai (*al-Sy'ab*) bangsa. Dalam pembahasan ini, beliau menerangkan mengenai permasalahan yang berkaitan dengan bangsa iaitu teori dialektik dan

³⁴ *Ibid.*, h. 371 – 372.

³⁵ *Ibid.*, h.h. 47 – 63.

³⁶ *Ibid.*, h.h. 65 - 74.

³⁷ *Ibid.*, h.h. 75 - 92.

*Waṣāyā*³⁸, kemudian menerangkan mengenai perbezaan di antara keadilan manusia dan Tuhan.

Dalam Fasal kelima, beliau membahaskan mengenai revolusi³⁹. Dalam fasal keenam, beliau membahaskan mengenai kebebasan dan demokrasi⁴⁰, peranan parlimen dalam sistem negara. Dalam permasalahan ini, ia memiliki empat cabaran. Pertama, standard pengetahuan (*Marji'iyah al-Ma'rifah*), kedua, standard budaya (*Marji'iyah al-'Urfiyyah*), ketiga, standard kelayakan (*Marji'iyah al-Jamāliyyah*), keempat, standard dalam akhlak (*Marji'iyah al-Akhlāqiyah*).

Dalam Fasal ketujuh, beliau membincangkan mengenai konsep Negara *Dawlah*, yang mempunyai tiga cabaran iaitu pertama, konsep memberikan pandangan dan tindakan dalam Negara, kedua, konsep Negara sekular (*'Almāniyah*), ketiga, undang-undang, sistem masyarakat dan budaya. Dalam fasal kelapan membincangkan mengenai pengaruh politik dan penguasa serta implikasinya terhadap akidah dan ideologi, pemikiran, pengetahuan, masyarakat, politik, ekonomi, serta implikasinya terhadap *'Ulūm* al-Quran seperti *Nāsikh al-Mansūkh* dan *Qisāṣ* dalam al-Quran, hukuman terhadap penjenayah. Terakhir, beliau membahaskan mengenai pengaruh politik

³⁸ Teori dialektik dan *waṣāyā* ialah hasil kajian dan pemahaman Muḥammad Syaḥrūr terhadap firman Allah s.w.t. dalam surah al-Kahf (18): 54:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ ۚ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

Maksudnya: Demi Sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam Al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.

Terjemahan surah al-Kahf (18): 54

Lihat: *Ibid.*, h.h. 102 – 106.

³⁹ Revolusi ialah perubahan menyeluruh sesebuah kerajaan, sistem politik atau sistem sosial yang dilakukan secara radikal dan kekerasan. Lihat: *Ibid.*, h.h. 118 – 140.

⁴⁰ *Al-Ḥurriyyah* kebebasan menurut perspektif Muḥammad Syaḥrūr ialah: “Kehendak secara sedar antara *Nafy* (menolak) atau *Ithbāt* (menerima) terhadap sesuatu”. Sedangkan demokrasi ialah: “Pelaksanaan kebebasan tersebut menurut standard pengetahuan, akhlak, kelayakan dan budaya yang berlaku”. Lihat: *Ibid.*, h. 141.

penguasa terhadap masyarakat moden. Dalam fasal terakhir iaitu fasal yang kesembilan, beliau membahaskan mengenai konsep jihad dalam perspektif al-Quran⁴¹.

Buku ini setebal 376 halaman, dan diterbitkan oleh al-'Ahālī, Damsyik, Syria. Cetakan pertama adalah pada tahun 1994. Berdasarkan buku ini, Muḥammad Syaḥrūr menyebutkan mengenai data rujukan yang beliau ambil secara umum, tidak seperti buku sebelumnya.

c. *Al-Islām wa al-Imān Manẓūmah al-Qiyam*

Seperti mana keterangan di atas, Muḥammad Syaḥrūr mengembangkan pemikirannya melalui buku pertamanya yang bertajuk *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dan seterusnya melalui karya-karyanya yang lain. Kitab ketiga yang beliau tulis dalam pengajian Islam adalah bertajuk *al-Islām wa al-Imān Manẓūmah al-Qiyam* (Islam dan Iman sistem sosial).

Dalam buku ini Muḥammad Syaḥrūr memberikan definisi terhadap Islam dan Iman dan kemudian beliau membuat kesimpulan bahawa Islam merupakan satu-satunya agama di sisi Allah, bermula dari risalah Nabi Nūḥ a.s. sampai kepada risalah terakhir iaitu risalah Nabi Muḥammad s.a.w.⁴².

⁴¹ *Ibid.*, h. 341.

⁴² Menurut Muḥammad Syaḥrūr bahawa rasul yang di utus oleh Allah bermula dari nabi Nūḥ a.s. hujah beliau adalah keterangan dari firman Allah s.w.t. dalam surah al-Syūrā (42): 13:

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ
أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ۚ

Maksudnya: Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukumNya - apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nūḥ, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu:

"Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan
Terjemahan surah al-Syūrā (42): 13

Muḥammad Syaḥrūr membuat kesimpulan bahawa Islam merupakan agama fitrah iaitu agama yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Oleh itu, semua manusia di muka bumi dengan sendirinya adalah Muslim. Orang-orang Mukmin pula menurut beliau adalah para pengikut Nabi Muhammad s.a.w.⁴³.

Dari pemahaman tersebut, Muḥammad Syaḥrūr membezakan antara Islam dan Iman. Islam ialah sistem sosial, sedangkan Iman ialah *Taklif* penyerahan beban dan tugas. Hal ini melahirkan konsep baru terhadap sistem perwarisan harta dan pembahagiannya⁴⁴.

Dalam buku ini Muḥammad Syaḥrūr juga memberikan ulasan terhadap pendefinisian dan perbezaan antara istilah-istilah antonim⁴⁵ kepada Islam dan Iman iaitu lawan kepada kedua-dua istilah ini iaitu *al-Kufr*, *al-Syirk*, *al-Ijrām*, *al-Ilhād* dan sebagainya⁴⁶.

Buku ini mengandungi dua bab. Setiap bab mengandungi beberapa sub bahagian. Bab pertama membahaskan mengenai *al-Islām* dan *al-Imān*. Ia meliputi beberapa isi penting iaitu: *al-Islām* dan *al-Muslimūn*, *al-Imān* dan *al-Mu'minūn*, *al-Iḥsān* dan *Amal Ṣālih*, *al-Kitāb* dan *al-Fariḍah*, *al-Waṣiyah* dan *al-Mau'izah*, penerangan mengenai rukun *Islām* dan rukun *Imān*⁴⁷.

Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1996), *al-Islām wa Imān Manẓumah al-Qiyam*, Damsyik: al-'Ahālī, h. 31 – 34.

⁴³ Muhammad Syaḥrūr (2004), *Bi Naṣṣ al-Qur'ān al-Karīm: Kull Atbā' Diyānah al-Samāwiyyah Muslimūn*. Makalah dalam Majalah Rosa al-Yousef, Egypt: 13 – 19 September 2004.

⁴⁴ Muhammad Syaḥrūr (1996), *op.cit.*, h. 31.

⁴⁵ Antonim adalah: kata yang berlawanan maknanya dengan kata lain, misalnya kata tinggi lawan rendah. Lihat: Tengku Iskandar (2002), *Kamus Dewan*, edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 56.

⁴⁶ Muḥammad Syaḥrūr konsisten dengan metode beliau iaitu mengingkari adanya sinonim (*al-Tarādūf*) dalam bahasa, hal ini di aplikasikan dalam semua tulisan beliau. *Ibid.*, h. 48.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 31

Dalam bab kedua, beliau membahaskan mengenai sistem sosial (*Manẓumah al-Qiyam*). Bab ini mengandungi lima fasal. Fasal pertama mengulas mengenai istilah *al-'Abd*, *al-'Ibād*, *al-'Ibādah*⁴⁸. Fasal kedua membahaskan mengenai *al-Syahādah* dan *al-Syahīd* serta hubungan antara perkataan *al-Syāhid* dan *al-Syahīd*⁴⁹. Fasal ketiga menerangkan mengenai *al-'Abawān* dan *al-Wālidayn*⁵⁰. Dalam fasal ini juga menerangkan mengenai perbezaan antara *al-Tabanniy* dan *Itikhādh al-Walad* (anak pungut), *al-Nikāh* dan *al-Ilqāh* (kahwin), *al-'Akh* (saudara laki-laki) dengan *al-'Ukht* (saudara perempuan), *al-Jawāz* (pernikahan) dengan *Milk al-Yamīn*. Fasal keempat mengulas mengenai *al-Dhanb* (dosa) dan *al-Sayī'ah* (perbuatan jahat) dan mengulas mengenai pengertian *al-Dhanb* dan *al-Maghfirah* (pengampunan), *Takfīr*. Istilah-istilah ini terdapat dalam al-Quran (*al-Tanzīl al-Hakīm*)⁵¹. Fasal kelima iaitu yang terakhir membincangkan mengenai Islam dan politik⁵².

Buku ini setebal 401 halaman. Diterbitkan oleh al-'Ahālī, Damsyik pada tahun 1996. Buku ini merupakan pengembangan kepada pemikiran beliau, terdahulu yang dimuatkan dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āsīrāh*. Dalam buku ini, beliau menerangkan mengenai konsep *al-Islām wa al-Imān*, kemudian dilanjutkan dengan buku berikutnya iaitu: *Naḥw 'Usūl Jadīd li Fiq al-Islāmiy*.

⁴⁸ *'Abd*, *'Ibād*, *'Ibādah* dan akar kalimahnyanya, dalam al-Quran terulang 275 kali. Syaḥrūr membandingkan makna kalimah-kalimah tersebut antara pemahaman klasik dengan pembacaan kontemporari, yang sangat jauh berbeza. Lihat: *Ibid.*, h.h. 140 – 147, lihat juga: Dr. Muḥammad Zakki Muḥammad Khaḍr (2005), *Mu'jam Kalimah al-Qur'ān al-Karīm*, al-Misykat, huruf 'Ain, lihat juga: 'Awdah Khalīl Abū 'Aūdah (1985), *al-Ṭaṭwūr al-Dalālī Bayn Lughah al-Sy'r wa Lughah al-Qur'ān*, Jordan: Maktabah al-Manār, h.h. 140 – 145.

⁴⁹ Konsep *al-Syahādah* dan *al-Syahīd* hasil dari analisis Muḥammad Syaḥrūr dengan menghimpun ayat-ayat yang mengandungi kata *Syahada* Muhammad Syaḥrūr (1996), *Op.cit.*, h.h. 212 – 214.

⁵⁰ Dari pembacaan Muḥammad Syaḥrūr terhadap *al-Tanzīl al-Ḥakīm* beliau berkesimpulan untuk membezakan antara *al-'Ab* dan *al-Wālid*, *al-'Umm* dan *al-Wālidah*, berlandaskan dari metode beliau yang mengingkari adanya sinonim, merujuk kepada *al-Ma'ājim al-Lughawiyah* karangan Ibn Faris. Kemudian mengaplikasikannya dengan pembacaan kontemporari menghasilkan kesimpulan, bahawa *al-Wālid* adalah mereka yang memiliki sel jantina (*al-Mani*) yang tanpanya sel telur wanita tidak membuahi, sedangkan *al-Wālidah* ialah seorang yang memiliki sel telur yang dengan bergabungnya kedua sel tersebut terbentuklah Janin. Sedangkan *al-'Ab* adalah mereka yang memberi perhatian, pemeliharaan dan tarbiah. Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1996), *op.cit.*, h.h. 267 – 274.

⁵¹ *Ibid.*, h.h. 334 – 344.

⁵² *Ibid.*, h.h. 377 – 385.

d. *Naḥw 'Usūl Jadīd li Fiqh al-Islāmiy*

Buku ini adalah karya Muḥammad Syaḥrūr yang keempat mengenai Islam. Ia menerangkan metodologi fikah kontemporari dan pengambilan hukum menurut pandangan beliau⁵³.

Melalui buku ini, beliau menerangkan mengenai risalah Nabi Muḥammad sebagai risalah terakhir yang perlu disesuaikan dengan abad ke-21. Dari wacana tersebut, Syaḥrūr berpandangan risalah tersebut perlu melalui proses menyesuaikan diri pada abad ke-21. Ia perlu melalui tiga proses iaitu, eksistensi (*al-Kaynunaḥ*), keadaan proses (*al-Sayrurah*), kondisi menjadi (*al-Ṣayrurah*)⁵⁴.

Dari konsep di atas, beliau berkesimpulan bahawa al-Quran adalah dalam keadaan eksistensi (*al-Kaynunaḥ*) akan tetapi bagi manusia akan selalu berkaitan dengan waktu (السيِّرورة) dan perubahan (الصيِّرورة) selaras dengan konteks masa⁵⁵.

Dari pengaplikasian konsep di atas, beliau menghasilkan teori baru dalam masalah perwarisan harta iaitu dalam masalah menyamakan antara bahagian waris lelaki dengan perempuan. Hal tersebut bertentangan dengan pemahaman tradisional dari kitab *Turāth* yang di anggap sebagai hukum yang pasti dan mapan⁵⁶.

Buku ini mengandungi enam fasal yang membincangkan mengenai *fiqh al-Mar'ah*. Dalam fasal pertama, beliau membahaskan mengenai tiga konsep seperti

⁵³ Muhammad Syaḥrūr (2000), *op.cit.*, h. 23.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 26.

⁵⁵ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 62.

⁵⁶ Ruqayyah Ṭaha Jābir al-'Alwaniy (2003), *'Athar al-'Urf fi Fahm al-Nuṣūṣ: Qaḍāyā al-Mar'ah 'Anmudhjan*. c. 1. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 173.

eksistensi (*al-Kaynūnah*), keadaan proses (*al-Ṣayrurah*) dan keadaan menjadi (*al-Ṣayrurah*).

Dalam fasal kedua, beliau menerangkan mengenai peranan *al-Sunnah al-Nabawiyah* terhadap al-Quran. Dalam fasal ketiga, beliau menjelaskan mengenai konsep wasiat dan hukum perwarisan. Dalam fasal keempat, beliau menerangkan mengenai hukum poligami. Fasal kelima menerangkan mengenai kepemimpinan (*al-Qawāmah*) dan fasal terakhir iaitu fasal keenam menjelaskan mengenai pakaian dan batasannya menurut al-Quran⁵⁷.

Buku ini setebal 383 (tiga ratus lapan puluh tiga) halaman yang diterbitkan oleh al-`Ahālī, Damsyik pada tahun 2000. Dalam cetakan pertama, buku ini telah diterjemah ke bahasa Indonesia oleh Sahiron Syamsuddin dan Burhanudin. Ia dicetak dengan tajuk "*Metodologi Fiqih Islam Kontemporer*" cetakan pertama pada tahun 2004 oleh pustaka eLSAQ Press Yogyakarta.

3.2.3.2. Artikel dan Makalah

Muḥammad Syaḥrūr banyak menyumbangkan pemikiran melalui tulisan artikel dalam jurnal-jurnal, media dan kertas kerja seminar lebih kurang 28 tajuk artikel yang beliau tulis yang berkaitan dengan pengajian Islam⁵⁸. Di antaranya sebagaimana dalam tajuk-tajuk berikut:

1. *Bi Naṣṣ al-Qur'ān al-Karīm: Kull Atbā' Diyānah al-Samāwiyyah Muslimūn*

(Dengan nas al-Quran bahawa semua pengikut agama Ilahi adalah Muslim).

⁵⁷ Muhammad Syaḥrūr (2000), *Naḥw 'Usūl Jadīdah li Fiqh al-Islamiy. op.cit.* h. 315.

⁵⁸ Semua artikel dan tulisan Muḥammad Syaḥrūr dapat dilihat dilaman Web Muḥammad Syaḥrūr: <http://www.shahrour.org/index5.htm>. pada 26 Julai 2007.

2. *Al-Ta'adudiyah al-Zawjiyyah* (Poligami)
3. *Qaul Fi al-Basyar Wa al-Insān* (Pandangan mengenai *al-Basyar* dan *al-Insān*)
4. *Alamiyah Ayat Ahkām (al-Risālah) Fi Aşri Mā ba'da al-Risālah* (Universal ayat-ayat hukum dalam masa selepas nabi)
5. *Ḥawl Nasy'ah Adam Wa Nasyah Insān* (Perbincangan mengenai Adam dan permulaan manusia).
6. *Kayfa 'Abbara al-Qur'ān An Marāhil Nasy'ah al-Kalām.* (Bagaimana al-Quran mengulas mengenai tahap permulaan bahasa)
7. *Maqālah al-Islām wa Imān* (1) (Kajian Islam dan Iman seri I)
8. *Maqālah al-Islām wa Imān* (2) (Kajian Islam dan Iman seri II)
9. *al-Qawāmah* (1) (Kepemimpinan seri I)
10. *al-Qawāmah* (2) (Kepemimpinan seri II)
11. *Al-Irhāb wa Ḥarb al-Muṣṭalāḥāt* (Pengganas, perang dan istilah-istilah yang berkaitan).
12. *al-Gharb wa al-Islām.* (Antara Barat dan Islam).
13. *al-Iṣlāḥ al-Din Qabl Iṣlāḥ al-Siyāsi* (Pembetulan terhadap intelektual agama sebelum pembetulan sosial politik).
14. *Qirā'ah al-Mu'aşirah Fi al-Tanzil al-Ḥakīm Ḥawl al-Mujtama' al-Insānī wā Musawah Bayn al-Afrād.* (Pembacaan kontemporari terhadap *al-Tanzīl al-Ḥakīm* mengenai kemasyarakatan, kemanusiaan dan kesetaraan antara individu).⁵⁹
15. *Muslim Scholars Increasingly Debate On Holy War* (Ulama Islam memperdebatkan masalah perang) Pada 10 Disember 2004 dalam majalah New York Times

⁵⁹ http://www.amanjordan.org/aman_studies/wmview.php?ArtID=853, pada 12 Ogos 2007.

16. *Reading the Religious Text - A New Approach* (Membaca teks agama - Sebuah pendekatan baru).

Artikel dan makalah tersebut telah dimuat turun dalam laman web beliau iaitu www.shahrour.org.

3.3. Pengenalan Terhadap Buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*

Sebagaimana dihuraikan di atas, karya pertama Muhammad Syaḥrūr iaitu: *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* merupakan karya yang inovatif dan cukup komprehensif serta menggambarkan pemikiran beliau, dari aspek metodologi mahupun aplikasinya terutamanya terhadap penafsiran teks al-Quran. "*Qirā'ah Mu'āṣirah*",⁶⁰ merupakan suatu *review* terhadap pelbagai perspektif dan metodologi pemahaman terhadap teks al-Quran⁶¹.

Untuk mengenali lebih mendalam tentang kitab ini, perlulah kiranya menerangkan tentang masa penyusunannya, metodologi penulisan, sasaran dalam penulisan kitab dan kunci istilah untuk membacanya, kerana kitab ini menggunakan istilah khusus yang berbeza dengan istilah yang selama ini difahami oleh majoriti ahli tafsir. Kitab ini adalah sebagai kunci dasar untuk membaca pemikiran Muḥammad Syaḥrūr, kerana menerusi kitab ini, beliau mengembangkan idea-ideanya, seperti pemikiran beliau dalam karya-karya berikutnya iaitu *al-Dawlah wa al-Mujtama'*, *al-Islām wa al-Imān*, dan *Naḥw 'Usūl Jadīd li Fiqh al-Islāmī*.

⁶⁰Syaḥrūr menjelaskan bahawa buku ini adalah sebuah pembacaan baru dan kontemporari terhadap konsep dasar dalam *al-Kitāb* yang disebutnya sebagai *al-Dhikr*. Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 45.

⁶¹ Muḥammad Syaḥrūr (2000), dalam pengantar *Naḥw 'Usūl Jadīdah li Fiqh al-Islāmī, Fiqh al-Mar'ah*. Damsyik: al-Ahālī. h. 21 – 22.

3.3.1. Masa penulisan.

Seperti mana yang diungkapkan oleh Muḥammad Syaḥrūr, buku ini dihasilkan daripada pemikiran serta renungan beliau yang begitu panjang terhadap isi kandungan al-Quran. Penyusunannya menelan masa yang cukup lama⁶² iaitu 30 tahun dan dipaparkan melalui tiga tahap iaitu:

3.3.2. Tahap pertama: Pengumpulan Data

Tahap Pertama penyusunan buku ini bermula pada tahun 1970 - 1980. Ketika itu Syaḥrūr berada di Universiti Ireland di Dublin, *Dublin College of Ireland*⁶³ sebagai pelajar Sarjana Teknik (*al-Handasah al-Madaniyyah*). Masa tersebut merupakan tahap pengumpulan dasar-dasar metodologi dan pemahaman terhadap konsep *al-Dhikr*, *al-Risālah* dan *al-Nubūwwah*, serta penetapan istilah-istilah dasar bagi *al-Dhikr*⁶⁴.

Dalam tahap ini Syaḥrūr tidak begitu produktif kerana beliau hanya menghasilkan pemahaman terhadap konsep *al-Dhikr* yang tidak saling kait mengait dan lemah. Penyebab utamanya adalah pengaruh dari warisan literal Islam berupa mazhab fikah dan aliran teologi, yang selalu terjebak dalam tradisi *Taqīd*,⁶⁵ sedangkan pemikiran masa lalu perlu dikaji lebih mendalam untuk berinteraksi dengan persoalan masa kini⁶⁶. Di samping itu, pengaruh pelbagai kajian sosiologi yang dianggap oleh beliau sebagai kebenaran mutlak⁶⁷.

⁶² Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 46–48.

⁶³ Temubual dengan Muhammad Syaḥrūr, 2 Februari 2007.

⁶⁴ Muḥammad Ṣayyāḥ al-Ma'rawī (2000), *al-Marxslāmiyyah wa al-Qur'ān Aū al-Bāḥithuna an 'Amāmah lī Darwin wa Marxs wa Zawjah al-Nu'mān "Qirā'ah fī Da'wā al-Mu'āṣirah"*, c. 1. Damsyik: Maktabah al-Islāmiyyah, h.h. 52 – 56.

⁶⁵ Charles Kurzuman (1998), *op.cit.*, h. 139.

⁶⁶ Muhammad In'am Esha (2004), *Pembacaan Kontemporer al-Quran; Studi Terhadap Pemikiran Muḥammad Syaḥrūr*, Jurnal al-Tahrir, Ponorogo, Vol. 4. No. 1 Januari 2004. h. 29.

⁶⁷ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 46–48.

Selama lebih kurang sepuluh tahun, Syaḥrūr mengkaji ayat-ayat *al-Dhikr*, kemudian beliau membuat kesimpulan bahawa apa yang selama ini dianggap sebagai pasif dalam Islam ternyata tidak demikian, kerana perspektif Islam yang autentik dalam menyelesaikan permasalahan abad ke-20 tidaklah bersandarkan pada kejumudan. Jika dipaksakan, maka hanya akan menyebabkan kacau-bilau⁶⁸.

Keadaan tersebut disebabkan kerana pandangan terhadap Islam sebagai sebuah akidah adalah berdasarkan kepada aliran teologi tertentu, seperti *Asy'ariyyah*⁶⁹ mahupun *Mu'tazilah*,⁷⁰ juga memandang aspek fikah dari perspektif lima mazhab. Jika tidak maka ia akan menjadikan kajian ilmiah seseorang sarjana itu statik dan jumud. Secara kualitatif dalam pengetahuan mahupun kajian ilmiah, perlulah membongkar secara total terhadap mazhab-mazhab yang selama ini diwarisi, untuk menolak segala keterbatasan mazhab dan sebagainya dalam kajian ilmiah yang berhubungan dengan teks (*Naṣṣ*), dengan tidak mengurang kesuciannya sebagai wahyu Ilahi yang mutlak⁷¹.

3.3.3. Tahapan kedua: Penyusunan

Tahap kedua, berkaitan dengan penyusunan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*, iaitu dimulai pada tahun 1980 - 1986. Pada tahun 1980, beliau bertemu dengan kawan sejawatannya iaitu Prof. Dr. Ja'far Dakk al-Bāb di Kesatuan Soviet. Beliau adalah seorang pensyarah di Fakulti Linguistik. Dr. Ja'far memberikan semangat kepada Syaḥrūr untuk mendalami linguistik, falsafah dan kajian al-Quran, dan kemudiannya beliau

⁶⁸Dalam istilah Syaḥrūr adalah: *Thubūt Naṣṣ wa Ḥarakah al-Muḥtawā*, yang bermaksud: bentuk teks tetap, tetapi kandungannya selalu berubah. Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, 44.

⁶⁹*Asy'ariyyah* ialah fahaman yang dinisbahkan kepada Abū al-Ḥasan Alī bin Ismāil al-*Asy'ariyyah* (w 324. H.) antara karya-karya beliau adalah *al-Ibānah fi Usūl al-Diyānah*. Lihat: Ibn Khālikan (1979), *Wafiyāt al-'Ayān*, Kaherah: Matba'ah al-Maymunah, j. 1. h. 326.

⁷⁰*Mu'tazilah* ialah: sebuah aliran teologi yang dinisbahkan kepada Waṣil bin 'Aṭā' (80 – 131 H.). Lihat: Dr. Alī Arslān Aydin (2004), *al-Madhāhib al-'Tiqādiyyah al-Qadīmah fi Mizān al-Islām*, Jordan: Dār al-Rāzī, h. 109.

⁷¹Muhammad Syaḥrūr (2004), *Reading The Religious Text A New Approach*. Dalam Artikel: www.shahrou.org/article_details.php?thesid=697&catid=1. (Pada 4 Mei 2007).

menghadihkan kepada Syaḥrūr tesis Ph.D beliau yang telah diseminarkan di Universiti Moskow pada tahun 1973. Tesis ini membahaskan mengenai teori linguistik Abd al-Qāhir al-Jurjānī⁷² dan kedudukannya dalam linguistik am⁷³.

Dari Dr. Ja'far, Syaḥrūr mempelajari pendapat para tokoh linguistik seperti al-Farra',⁷⁴ Abū Alī al-Fārisī⁷⁵ dan muridnya, iaitu Ibnu Jinnī⁷⁶ juga pendapat Abd al-Qāhir al-Jurjānī. Setelah Syaḥrūr menganalisis pendapat mereka, maka beliau membuat kesimpulan bahawa ucapan *al-Alfāz* adalah sarana pengungkapan makna *Khadam al-Ma'ānī*.⁷⁷ Syaḥrūr juga membuat kesimpulan bahawa dalam linguistik Arab tidak memiliki konsep sinonim *Tarāduf*.⁷⁸ Perkataan yang dianggap sinonim adalah khayalan sahaja kerana dalam struktur tatabahasa Arab setiap kalimat pasti memiliki erti tersendiri yang berbeza maknanya dengan kalimat lain. Dari perspektif ini, Syaḥrūr membuat kesimpulan bahawa telah terjadi kacau-bilau dan kesalahan dalam pengajaran bahasa Arab di pelbagai institusi pendidikan⁷⁹.

Berangkat dari perspektif linguistik tersebut, Syaḥrūr mulai mengkaji ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep *al-Dhikr* secara intensif, kemudian beliau lanjutkan mengkaji istilah-istilah penting yang berkenaan dengan *al-Kitāb*, *al-Qur'ān*,

⁷² Abd al-Qāhir al-Jurjānī, W. 471 H. Ialah: tokoh linguistik yang menyusun teori ilmu Balāghah daripada karangan beliau adalah: *'Asrār al-Balāghah, Dalā'il 'Ijāz*, Lihat: Khaīr al-Dīn al-Ziriklyī (1979), *al-'I'lām Qāmus Tarājim li 'Asyhur al-Rijāl wa al-Nisā' min al-Arab wa al-Musta'rabīn wa al-Mustasyriqīn*, cet. 4. Beirut: Dār li Malāyyin, j. 4. h. 49.

⁷³ Yusuf al-Ṣaydawī (t.t.), *op.cit.*, h. 11.

⁷⁴ al-Farra' ialah: Yahyā bin Ziyād Abū Zakariyā, lahir pada 144 H. dan wafat pada 207 H. Beliau adalah seorang tokoh linguistik dan sastera dari Kuffah. Di antara karyanya adalah: *Ma'ānī al-Qur'ān, al-Mudhakar wa al-Mu'anath*,; Lihat: Muḥammad bin Ḥibbān Abū Ḥātim (1975), *al-Thiqāt*, Beirut: Dār al-Fikr, j. 9. h. 256.

⁷⁵ Abū Alī al-Fārisī, ialah: al-Ḥasan bin Aḥmad bin Abd al-Ghafār, lahir pada 288 H. dan wafat pada 377 H. Beliau seorang tokoh terkemuka dalam bidang linguistik, di antara karya karyanya adalah *al-'Iḍāh, al-Ḥujjah, al-Masā'il al-'Askariyāt* dan *al-Masā'il al-Baṣriyāt*. Lihat: Khaīr al-Dīn al-Ziriklyī (1979), *op.cit.*, j. 5. h. 128.

⁷⁶ Ibnu Jinnī, ialah: Abū al-Faṭḥ Uthmān bin Jinnī, tahun kelahirannya tidak di ketahui dengan jelas, beliau wafat pada 392 H. Di antara karyanya adalah *al-Khaṣā'is, Sirr al-Sinā'ah, Syarḥ Diwān al-Mutanabi*,; lihat: Khaīr al-Dīn al-Ziriklyī (1979), *op.cit.*, j. 4. h. 204.

⁷⁷ Ja'far Dakk al-Bāb (1990), *'Asrār al-Lughah al-Arabiyyah*, Damsyik: al-'Ahālī, h. 753.

⁷⁸ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 46.

⁷⁹ *Ibid.*, h.h. 56 – 69.

al-Furqān, al-Dhikr, 'Umm al-Kitāb, al-Lauh al-Mahfūz, al-Imām al-Mubīn, al-Ḥadīth, dan *Aḥsan al-Ḥadīth*⁸⁰.

Secara sistematis, beliau meneliti setiap kata yang memuatkan perkataan *al-Qur'ān* dan *al-Kitāb*, kemudian beliau susun perkataan-perkataan tersebut secara sistematis dan mengujinya secara logik. Beliau mendapati perbezaan antara keduanya. Kesimpulan yang penting ini beliau peroleh pada bulan Mei 1982⁸¹.

Kemudian beliau berjaya memahami konsep *al-Inzāl* dan *al-Tanzīl* (transformasi) serta konsep *al-Ja' l* (Penciptaan) iaitu pada tahun 1984. Syaḥrūr mula menulis tema-tema penting dan pemikiran utama yang beliau simpulkan dari ayat-ayat dalam *al-Tanzīl al-Ḥakīm* tadi. Beliau selalu menemui Dr. Ja'far Dakk al-Bāb untuk mendiskusikan terhadap pemikiran dan idea-idea baru yang beliau susun. Hal tersebut berlanjutan sehingga tahun 1986. Pada peringkat ini, Syaḥrūr menghasilkan pelbagai jenis pemikiran yang meskipun telah dirumuskan, tetapi masih terpisah-pisah sehingga perlu diusahakan untuk menyusunnya⁸².

3.3.4. Tahap ketiga: Perumusan

Tahap ketiga dalam penyusunan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āshirah* bermula pada tahun 1986 – 1990⁸³. Pada tahap ini, beliau memulai dengan lebih serius menyusun tema-tema dan rumusan secara objektif bermula pada tahun 1986 hingga akhir tahun 1987⁸⁴.

⁸⁰ Penjelasan istilah-istilah ini akan penulis jelaskan di bawah, dalam pembahasan khusus.

⁸¹ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 51 – 60.

⁸² *Ibid.*, h. 47.

⁸³ *Ibid.*, h. 48.

⁸⁴ Temubual dengan Muhammad Syaḥrūr, 2 Februari 2007.

Muhammad Syaḥrūr menyelesaikan bab pertama *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dengan pelbagai kesusahan untuk merumuskan konsep yang beliau hasilkan. Kemudian beliau menyelesaikan bab kedua dengan tema konsep dialektik (*Jadāliyyah*) am dan dialektik manusia, iaitu tema yang berkenaan dengan teori pengetahuan (*Ma'rifah*). Fasa pertama penyusunan tema dialektik am beliau selesaikan pada pertengahan tahun 1988⁸⁵.

Kemudian bersama dengan Ja'far, beliau menyempurnakan tema tersebut seperti yang tercantum pada pembahasan pertama dari bab kedua dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Penyusunan tema tersebut perlu kepada penelitian dan perhatian yang serius. Kemudian Syaḥrūr menyelesaikan semua kajiannya pada tahun 1990 dan meminta Ja'far memberikan kata aluan. Peranan Ja'far sangat besar dalam penyusunan buku tersebut, terutama dalam bidang bahasa Arab, rahsia linguistik Arab serta diskusi yang berkaitan dengan tema bahasa Arab⁸⁶.

3.3.2. Metodologi Penulisan

Metodologi adalah konsep teoretis tentang proses yang digunakan oleh seseorang dalam melakukan kajian⁸⁷. Metode yang dipakai oleh Muhammad Syaḥrūr dalam penulisan karya beliau adalah metode histori ilmiah (*al-Manhāj al-Tārīkh al-ʿIlm*), metode *Mawḍūʿī* dan analisis paradigmatic, ini merupakan pengamatan daripada Dr. Ja'far Dakk al-Bāb dalam kata aluan pada buku tersebut.⁸⁸ Jika di teliti

⁸⁵ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 40.

⁸⁶ Temubual dengan Muhammad Syaḥrūr, 2 Februari 2007.

⁸⁷ Tengku Iskandar (2002), *Kamus Dewan*, *op.cit.*, h. 887.

⁸⁸ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 19 - 27

asal salasilahnya metode ini berasal dari pemikiran para sarjana linguistik klasik iaitu:

Abū `Ali al-Fārisi, Ibn al-Jinnī, dan Imam al-Jurjānī⁸⁹.

Metode histori ilmiah adalah metode yang digunakan untuk mengkaji pemahaman dan pengetahuan manusia, beliau mengatakan dalam bukunya:⁹⁰

إِنَّ مَصْدَرَ مَعْرِفَةِ الْإِنْسَانِيَةِ هُوَ الْعَالَمُ الْمَادِي خَارِجُ الذَّاتِ الْإِنْسَانِيَةِ، يَعْنِي ذَلِكَ إِنَّ
الْمَعْرِفَةَ الْحَقِيقِيَّةَ "غَيْرَ الْوَهْمِيَّةِ" لَيْسَتْ مُجْرَدُ صُورٍ ذَهْنِيَّةٍ، بَلْ تُقَابَلُهَا الْأَشْيَاءُ فِي الْوَاقِعِ،
لِأَنَّ وُجُودَ الْأَشْيَاءِ خَارِجَ الْوَعْيِ هُوَ عَيْنُ حَقِيقَتِهَا.

Maksudnya: Sesungguhnya sumber pengetahuan manusia adalah alam materi yang berada di luar eksistensi manusia itu sendiri. Artinya, pengetahuan yang sesungguhnya tidak bersifat khayalan, tidak merupakan abstraksi dari gambaran-gambaran purbasangka (khayalan), tetapi hal-hal yang sesuai dengan realiti, sebab wujud segala sesuatu yang berada di luar kesedaran manusia itu adalah kunci kebenarannya.

Menurut pandangan Syaḥrūr, kebenaran adalah sesuatu yang sesuai dengan realiti empirik yang berada di luar eksistensi manusia, maka pengetahuan manusia tidaklah hanya faktor dalaman sahaja, akan tetapi persepsi fikiran yang sesuai dengan realiti. Hal tersebut beliau fahami dari firman Allah s.w.t. dalam surah al-Naḥl (16): 78:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur

Terjemah surah al-Naḥl (16): 78

⁸⁹ Biografi mereka telah di jelaskan di atas.

⁹⁰ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 42 – 45, Sibawaihi (2002), Pembacaan al-Quran Muḥammad Syaḥrūr, *Jurnal Afkar Edisi no 12*. h.h. 118 – 124.

Dengan landasan ini, kajian filsafat Islam kontemporari didasarkan pada pengetahuan rasional ilmiah, iaitu hasil dari cerapan indera (empiris, pendengaran dan penglihatan) manusia dalam rangka memperoleh pengetahuan teoretis murni *al-Ma`rifah al-Nazariyyah al-Mujarradah*.⁹¹

Sedangkan Metode *Mawḍū`ī* adalah metode yang digunakan untuk mengkaji al-Quran secara tematik dan mengikut tata bahasa Arab (linguistik).⁹² Metode ini merupakan huraian dari teori tokoh linguistik terkemuka seperti: teori linguistik Ibnu Jinni dalam kitab *Khaṣāiṣ* dan teori linguistik al-Jurjānī dalam kitab *Dalā`il al-I`jāz*.⁹³

Dari teori linguistik Ibnu Jinni. Muhammad Syaḥrūr berkesimpulan sebagaimana berikut:

- a. Bahasa dan kalimat mempunyai struktur dan suara adalah asal dari bahasa.
- b. Bahasa tidak tercipta dalam satu waktu melainkan berkembang secara evolusi.
- c. Bahasa sentiasa mengikuti sistematik atau aturan strukturnya
- d. Bahasa dan suara mempunyai hubung kait dengan keadaan psikologi penggunanya⁹⁴.

Sedangkan dari teori linguistik al-Jurjānī. Beliau berkesimpulan sebagaimana berikut:

⁹¹ *Ibid.*, h. 42

⁹² Linguistik adalah: Kajian mengenai bahasa secara ilmu pengetahuan, tujuan utamanya adalah mempelajari bahasa (kaitan suatu bahasa dengan bahasa lain) lihat Departemen P dan K (1984), *Ensiklopedia Umum*, Projek pengembangan perpustakaan Jawa Tengah, h. 633

⁹³ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 20 – 25.

⁹⁴ *Ibid.*, h. 20.

- (a) Struktur bahasa dan fungsi penyebarannya.
- (b) Keterkaitan antara bahasa dengan pemikiran⁹⁵.

Dari konsep teori di atas, Muhammad Syaḥrūr merumuskan metodologi linguistik yang beliau gunakan, iaitu⁹⁶:

- a. Dalam bahasa tidak ada sinonim, bahkan boleh jadi dalam satu kata memiliki makna yang banyak dan berkembang mengikut ruang dan waktu⁹⁷.
- b. Kata adalah ekspresi dari makna.
- c. Yang paling penting dari bahasa adalah makna.
- d. Bahasa apa pun tidak akan dapat difahami bila tidak ditemukan adanya kesesuaian bahasa itu dengan logik dan realiti objektif.

Dengan dasar metodologi tersebut, beliau mengkaji makna-makna yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran melalui metode yang disebutnya dengan *Tartil*. Metode ini beliau fahami dari firman Allah⁹⁸:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْفُرْعَانَ تَرْتِيلاً

Maksudnya: Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil"

Terjemah surah al-Muzammil (73): 4

Tartil, yang berasal dari terbitan *Ratala* yang ertinya “Barisan pada urutan tertentu”. Oleh Syaḥrūr, *Tartil* dalam ayat ini ditafsirkan dengan mengambil ayat-ayat

⁹⁵ *Ibid.*, h. 191.

⁹⁶ Lihat laman web Muhammad Syaḥrūr: <http://www.shahrou.org/index3.htm>. Pada 11 Disember 2008. *Al-Manhaj al-Mutaba' Fial-Ta'āmul Ma'a al-Tanzīl al-Ḥakīm Wifq al-Qirā'ah al-Muā'sirah*.

⁹⁷ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 44.

⁹⁸ *Ibid.*, 25.

yang berkaitan dengan satu topik dan mengurutkan antara satu ayat dan yang lain.⁹⁹ Metode ini digunakan untuk mengkaji topik tertentu seperti penciptaan alam, penciptaan manusia dan kisah para nabi, topik tersebut disebutkan dalam al-Quran di berbagai surat. Maka supaya memperoleh gambaran komprehensif mengenai suatu topik, ayat-ayat tersebut perlu dipertemukan dan disatukan.

Selanjutnya, dalam mengkaji topik ayat-ayat yang tidak berurutan, beliau menggunakan teori bahawa kata adalah ekspresi daripada makna, oleh itu Syaḥrūr menggunakan pendekatan semantik dengan analisis paradigmatic¹⁰⁰.

Adapun analisis paradigmatic yang dimaksudkan ialah suatu analisis pencarian dan pemahaman terhadap sebuah konsep (makna) suatu simbol (kata) dengan cara mengaitkannya dengan konsep-konsep dari simbol-simbol lain yang mendekati dan yang berlawanan. Seperti kata *al-Kitāb* dengan *al-Qur'ān*, *Umm al-Kitāb*, *Sab' al-Mathānī*, *Tafṣīl al-Kitāb*, kemudian kata *Nabi* dengan *Rasul*, *Uluhiyyah* dengan *Rububiyyah* dan seterusnya. Analisis tersebut bertujuan untuk menentukan makna yang paling tepat di antara makna-makna yang ada, di mana setiap kata pasti dipengaruhi oleh hubungannya secara literal dengan kata-kata di sekelilingnya.¹⁰¹ Dalam

⁹⁹ *Ibid.*, h. 197.

¹⁰⁰ Semantik adalah; Ilmu yang berhubungan dengan fenomena makna dalam pengertian yang paling luas dari kata. Lihat: Sahiron Syamsuddin (2002), *Metode Intratekstualitas Muhammad Syahrur dalam pentafsiran al-Quran*, Dalam Studi Al-Quran Kontemporer. Yogyakarta: Tiara Wacana, h.h. 137 – 143.

¹⁰¹ Contohnya dalam mentafsirkan kalimat *al-Nisā'* dalam surah Āli Imrān (3): 14:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَاعُ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَقَابِلِ

Maksudnya: Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).

menggunakan dua metode analisis tersebut beliau sering terpengaruh dengan bidang akademik yang beliau peroleh, yaitu ilmu teknik dan sains, hal tersebut nampak jelas dalam penggunaan analisis matematik (*al-Taḥlīlī al-Riyāḍī*) dan sains¹⁰².

3.3.3. Sasaran dalam penulisan

Sebelum mengenal pasti sasaran dan tujuan penulisan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qir'ah Mu'āshirah*, perlulah dibaca peta pemikiran dan sosial histori yang terjadi di dunia Arab dan umat Islam pada umumnya untuk mengetahui secara pasti terhadap sasaran dan tujuan Muhammad Syaḥrūr dalam mempersembahkan karyanya.

Pada akhir abad ke-18, dunia Islam mengalami kegawatan pemikiran dan sosial yang begitu dahsyat, bermula dari kemunduran tamadun dan kejumudan pemikiran. Di sisi lain muncul beberapa tokoh yang mengadakan reformasi keagamaan, seperti Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1838 – 1897),¹⁰³ Muḥammad Abduh (1849 – 1905),¹⁰⁴ Rasyīd Riḍā

Begitu juga firman Allah dalam surah al-Nisā' (4): 4:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya: Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

Terjemahan surah al-Nisā' (4): 4

Dalam surah Āli Imrān kata *Nisā'* ditafsirkan dengan perkembangan teknologi sedangkan dalam surah al-Nisā' kata *Nisā'* ditafsirkan wanita. Lihat Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 638 - 645

¹⁰² Sahiron Syamsuddin (2002), *op.cit.*, h. 138.

¹⁰³ Jamāl al-Dīn al-Afghānī, nama asal beliau ialah: Muḥammad bin Ṣafdar al-Ḥusaynī (1838 – 1897). Lihat: Khair al-Dīn al-Zirikylī (1979), *op.cit.*, j. 6. h. 168.

¹⁰⁴ Muḥammad Abduh bin Ḥusayn Khayr Allah (1849 – 1905), ialah: seorang pemikir Muslim dari Mesir, salah satu pengasas gerakan modenisme Islam, di antara karya-karya beliau adalah: *Risālah al-Tawḥīd* yang diterbitkan pada tahun 1897 dan *Syarah Dalā'il 'I'Jāz* dan *Asrār al-Balāghah* daripada al-Jurjānī. Lihat: Khayr al-Dīn al-Zirikylī (1979), *op.cit.*, j. 6. h. 257. Lihat Juga: Zulkifli B. Hj. Mohd. Yusoff (2007), *Muhammad Abduh Pengaruhnya kepada Pembaharuan Politik Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation SDN. BHD. h.h. 1-5

(1865 – 1935).¹⁰⁵ Mereka menyeru kepada penjernihan ideologi dan tamadun untuk kembali kepada *al-Tanzīl al-Ḥakīm* dan *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Syarīfah (al-Sunnah)*.¹⁰⁶

Begitu juga yang terjadi di Damsyik, Syria, negeri di mana Muḥammad Syaḥrūr mula membangunkan pemikirannya. Pada akhir abad ke-18, muncullah tokoh-tokoh reformis seperti: Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī (1866 -1914)¹⁰⁷ dan Ṭāhir al-Jazā'irī (1852 – 1920).¹⁰⁸ Mereka menyatakan kegelisahan terhadap fenomena dunia Islam saat itu, dengan umat Islam yang ketinggalan, serta modenisasi kaum Barat yang sangat laju. Oleh sebab itu, mereka mencanangkan untuk membentengi masyarakat Islam dari gerakan-gerakan sekular dan menggugat kejumudan pemikiran dan keilmuan, dengan konsep mengharmonikan rasionalistik, kemajuan dan modenisasi dalam bingkai agama¹⁰⁹.

Dari fenomena tersebut, Muḥammad Syaḥrūr mula memerhati secara teliti terhadap pemikiran Arab Islam kontemporari yang ditandai dengan kesedaran diri dan munculnya kritik diri¹¹⁰. Hal tersebut adalah sebagai perumusan untuk mengharmonikan antara tantangan modenisasi dan tuntutan tradisi (*Turāth*)¹¹¹.

¹⁰⁵Rasyīd Riḍā, ialah: Muḥammad bin Alī Riḍa bin Muḥammad Syams al-Dīn (1865 – 1935), di antara karyanya adalah: *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm, al-Waḥyu Muḥammadī, Yusr al-Islām wa Uṣūl Tasyrī'*. lihat: Khayr al-Dīn al-Zirikylī (1979), *op.cit.*, j. 6. h. 126.

¹⁰⁶Syawuqī Abū Khalīl (2002), *Man Ḍaya'a al-Qur'ān*, Damsyik: Dār al-Fikr dan Dr. Muhammad Syaḥrūr (1996), *op.cit.*, h.h. 221 - 231.

¹⁰⁷Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī ialah: Muḥammad Jamāl al-Dīn bin Muḥammad Sa'īd bin Qāsīm al-Ḥalāq (1866 -1914), di antara karyanya adalah: *Maḥāsīn al-Ta'wīl fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm, Maū'izah al-Mu'mīnin, Dalāil al-Tawḥīd*. lihat: Khayr al-Dīn al-Zirikylī (1979), *op.cit.*, j. 2. h. 135.

¹⁰⁸Ṭāhir al-Jazā'irī, ialah: Ṭāhir bin Ṣālih bin Aḥmad bin Mawḥūb al-Sam'uni al-Jazā'irī al-Dimasyqi (1852 – 1920), di antara karyanya adalah: *Tafsīr al-Qur'ān, al-Taqrīb ila Uṣūl al-Ta'rīb*. lihat: Khayr al-Dīn al-Zirikylī (1979), *op.cit.*, j. 5. h. 221 - 222.

¹⁰⁹David Commis (1986), Religious Reformers and Arabists in Damascus: 1885 – 1914. *International Journal of Middle East Studies*, Bil. 18. h. 409.

¹¹⁰Ahmad Lutfi Assyaukanī (1998), *op.cit.*, h. 60.

¹¹¹Muhammad In'am Esha (2004), *op.cit.*, h. 32.

Fenomena di atas memberikan semangat kepada Muḥammad Syaḥrūr untuk mengulang kaji al-Quran (*al-Tanzīl al-Ḥakīm*) dengan wacana pemikiran Islam kontemporari. Beliau mempersembahkan karyanya *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* sebagai sebuah buku yang memuatkan pembacaan kontemporari terhadap konsep *al-Dhikr*.¹¹²

Dengan tegas beliau mengatakan bahawa tujuan penulisan buku tersebut bukan untuk membuktikan kewujudan Allah atau menafikan-Nya kerana hal tersebut adalah hak kebebasan bagi semua makhluk. Permasalahan keimanan atau pengingkaran kepada Allah adalah pilihan bebas manusia sebagai hasil pemikiran dan perenungannya.¹¹³ Seperti mana yang diisyaratkan oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya:

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ ۗ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ۗ

Maksudnya: "Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya".

Terjemah Surah al-Kahf (18) : 29.

Adapun pemahaman isi kandungan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*, diserahkan sepenuhnya kepada rasionalistik para pembacanya.¹¹⁴

Setelah melakukan pembacaan kontemporari terhadap *al-Tanzīl al-Ḥakīm*, Muḥammad Syaḥrūr mendapati bahawa pemikiran Islam memiliki karakter universal. Dengan begitu, karya beliau *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* ditujukan kepada sesiapa sahaja, baik Arab mahupun bukan Arab, mukmin atau ingkar dengan

¹¹²Al-Muhandis Jawād 'Afānah (1994), *al-Qur'ān wa 'Awhām al-Qirā'ah al-Mu'āṣirah*, Jordan: Dār al-Basyāir, h. 10 – 11.

¹¹³ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 45.

¹¹⁴ *Ibid.*, h. 45.

pelbagai perbezaan ideologinya¹¹⁵ kerana Muhammad Syaḥrūr bermaksud, sesiapa pun dapat mengambil manfaat dari buku tersebut dan menjauhkan segala bentuk fanatisisme aliran atau mazhab. Perhatian beliau adalah menemukan hakikat yang sebenarnya secara objektif yang tidak dipengaruhi oleh warisan literatur klasik yang menilai mengenai Islam secara positif mahupun negatif.¹¹⁶

3.3.4. Istilah-Istilah.

Untuk melakukan eksplorasi terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam bukunya, perlulah terlebih dahulu mengemukakan istilah-istilah yang digunakan oleh beliau. Ini kerana untuk mengenali pemikiran seseorang mestilah memahami istilah yang diguna pakai. Bahagian pertama dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* adalah membahaskan mengenai istilah-istilah yang memberikan maklumat untuk membaca idea-idea Muḥammad Syaḥrūr dan pemikirannya.¹¹⁷

Di antara kunci istilah tersebut adalah: *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*, istilah ini menjadi tajuk utama karya beliau. Ini kerana *al-Kitāb* dan al-Quran yang didefinisikan oleh para ulama berbeza dengan pandangan Muḥammad Syaḥrūr, beliau mendefinisikannya sebagaimana berikut:

al-Kitāb yang didefinisikan sebagai: Sekumpulan tema yang diwahyukan kepada baginda Nabi Muḥammad s.a.w. yang terdiri dari ayat-ayat dalam mashaf yang dimulai dengan surah *al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan surah *al-Nās*¹¹⁸.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 46.

¹¹⁶ Muhammad Syaḥrūr (2000), *op.cit.*, h. 21 – 23.

¹¹⁷ Abdul Mustaqim (2003), *Hermeneutika al-Quran Mazhab Yogya; Mempertimbangkan Metodologi Tafsir Muḥammad Syaḥrūr*, Yogyakarta: Islamika, h. 125 – 126.

¹¹⁸ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 54.

Al-Quran menurut istilah Syaḥrūr adalah kumpulan aturan hukum objektif yang mengatur segala eksistensi, fenomena perubahan alam dan peristiwa yang terjadi pada manusia, juga membahaskan mengenai perkara ghaib yang telah berlalu, penciptaan alam semesta, manusia dan berita umat-umat terdahulu (kisah-kisah al-Quran), juga menceritakan perkara ghaib yang akan datang seperti terjadinya kiamat, tiupan kebangkitan, hisab, syurga dan neraka¹¹⁹.

Pandangan ini berdasarkan kepada ayat al-Quran yang menyatakan mengenai *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*. Seperti firman Allah s.w.t.:

تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ وَقُرْءَانٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: Ini ialah ayat-ayat kitab (yang lengkap sempurna) dan Al-Quran yang memberi penjelasan .

Terjemah Surah al-Ḥijr (15): 1.

Dalam ayat ini, kata *al-Qur'ān* di 'Aṭaf (sambungkan) pada kata *al-Kitāb*. Dengan begitu dapat difahami bahawa *al-Qur'ān* berbeza dengan *al-Kitāb*, sebab *Wau 'Aṭaf* (huruf penyambung) memiliki fungsi sebagai pembeza (*li al-Taghayur*).¹²⁰ Dalam ungkapan bahasa Arab, jika dikatakan, *Jā'a Muḥammad Wa 'Alī* (Muḥammad dan 'Alī datang) bererti Muḥammad berbeza dengan Ali¹²¹.

¹¹⁹*Ibid.*, h. 62. Lihat juga: Māhir Munjīd (1999), *Isyāliyyah Manhājiyyah fi al-Kitāb wa al-Qur'ān; Dirāsāh Naqdiyyah*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 142.

¹²⁰Dalam gramatis Arab dijelaskan bahawa daripada fungsi huruf penyambung 'Aṭaf *Wau* adalah untuk pembeza *li al-Taghayur*, atau menunjukkan penjelasan terhadap sesuatu yang khusus dari sesuatu yang am, dalam hal ini *al-Kitāb* adalah suatu yang am dan *al-Qur'ān* adalah khusus. Lihat: Yusuf al-Ṣaydawī (t.t.), *op.cit.*, h. 58 – 59. Lihat Juga: Dr. Maḥmūd Aḥmad al-Ṣaghīr (2001), *al-'Adawāt al-Naḥwiyyah Fi Kutūb al-Tafsīr*, Beirut: Dār Fikr, h. 554 – 555.

¹²¹Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 56 - 57.

Dari perbezaan tersebut, maka menjadi asas utama metodologi penulisan *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Menurut Muhammad Syaḥrūr, istilah *al-Kitāb* mencakup empat kandungan¹²² :

1. *al-Qur'ān*.
2. *al-Sab' al-Mathānī* (Tujuh yang berulang).
3. *Tafṣil al-Kitāb* (Penjelasan dari *al-Kitāb*).
4. *'Umm al-Kitāb* (Induk *al-Kitāb*).

Sedangkan dalam istilah ilmu al-Quran *al-Kitāb* memiliki erti yang sama dengan *al-Qur'ān*.¹²³ Al-Quran adalah Kalam Allah *Taala* yang bermukjizat, diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. melalui malaikat Jibril, dengan lisan Arab, yang mencakup pengertian seluruh kandungan teks yang tertulis dalam mashaf yang dimulai dengan surah *al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan surah *al-Nās*. Membacanya termasuk ibadah¹²⁴.

¹²² *Ibid.*

¹²³ Subḥī al-Ṣāliḥ menjelaskan perbezaan antara *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*. *al-Kitāb* memberi penjelasan terhadap tulisan yang terkumpul dari perkataan. Kerana *al-Kitāb* dalam bahasa Arab bererti tulisan. Sedangkan *al-Qur'ān* memberi isyarat terhadap sesuatu yang dihafal dalam hati, kerana *al-Qur'ān* ialah nama terbitan yang diambil daripada perkataan *Qarā'a* yang salah satu ertinya membaca, juga menunjukkan pada ingatan. Lihat: Dr. Subḥī al-Ṣāliḥ (2000), *Mabāḥith Fī Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-'Ilm li Malāyīn, h. 17 – 18; Zulkifli Hj. Mohd Yusooif (1996), *Kunci Mengenal al-Quran*, Kuala Lumpur: Berita Publising SDN BHD, h. 2.

¹²⁴ Seperti mana yang dijelaskan oleh al-Zarkasyī dalam al-Burhān iaitu perbezaan antara istilah *al-Qur'ān* dengan *al-Kitāb*, bahawa *al-Qur'ān* adalah penjelasan dari *al-Kitāb* seperti yang di jelaskan dalam firman Allah surah Hūd (11): 1:

الرَّكَّابُ أَحْكَمْتُ آيَاتُهُ ثُمَّ فَضَّلْتُ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ﴿١﴾

Maksudnya: *Alif, Laam, Raa'*. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatNya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuannya.

Terjemahan surah Huud (11): 1

Begitu juga firman Allah dalam surah Fuṣilat (41): 3:

Dari pembahagian tersebut Syaḥrūr ingin menunjukkan bahawa pendapat yang mengatakan al-Quran sama dengan *al-Kitāb* adalah kurang tepat. Sebab menurut Syaḥrūr tidak ada kata *Murādīf* (sinonim)¹²⁵. Pemahaman tersebut berdasarkan rahsia linguistik Arab.¹²⁶ Ini kerana dengan bahasa Arablah al-Quran diturunkan.

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, yang membezakan antara *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*, Muḥammad Syaḥrūr melakukan analisis terhadap istilah-istilah yang selama ini dianggap sinonim (memiliki erti sama) dengan kata al-Quran, seperti istilah *al-Dhikr*, *al-Furqān* dan seterusnya, kemudian beliau mendefinisikannya sebagaimana berikut:

Pertama adalah istilah *al-Dhikr*. Menurut Syaḥrūr, *al-Dhikr* adalah: Aspek wahyu yang diturunkan dalam bentuk bahasa Arab yang jelas, atau pengubahan dari kalam Allah yang mutlak kepada bentuk bahasa manusiawi yang secara literal berupa linguistik Arab¹²⁷. Bentuk inilah yang digunakan untuk membaca dan memahami

كَتَبْتُ فُصِّلَتْ ءَايَاتُهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya; sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; Iaitu Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya.

Terjemahan surah Fuṣilat (41): 3

Lihat: Muḥammad bin Bahādir bin Abd Allah al-Zarkashī (1971), *al-Burhān fī Ulū m al-Qur'ān*, Beirut: Dār Ma'rifah. J. 1. h. 389. Lihat juga: Abd al-Raḥman bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyutī (1968), *al-Itqān fī Ulūm al-Qur'ān*, Kaheerah: Maṭba'ah Masyhad al-Ḥusaynī, j.2. h. 462.

¹²⁵ Sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr. Ṣalāh al-Khālīdī, bahawa di dalam al-Quran tidak ditemukan sinonim (dua kalimah memiliki erti yang sama), kerana setiap kalimah memiliki erti tersendiri, yang membezakan antara satu dengan yang lainnya. Dr. Ṣalāh Abd al-Fatāh al-Khālīdī (1998), *Laṭāif Qur'āniyyah*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 63.

¹²⁶ Dalam ilmu al-Balāghah dijelaskan *Ziyādah fī al-Mabnā Tadullū 'ala Ziyādah fī al-Ma'nā* yang bermaksud tambahan dalam kalimat akan menunjukkan tambahan pada ertinya, dari sini setiap kalimat pasti memiliki erti tersendiri yang tidak sama dengan kalimat lain. Lihat: Dr. Abd al-Fatāh Lasyīn (2002), *al-Bayān Fī Ḍau' 'Asālib al-Qur'ān al-Karīm*, Kaheerah: Dār al-Fikr, h. 15. Lihat juga: Dr. Aḥmad Muḥammad al-Kharrāṭ (2002), *Rasf al-Mabāniy Fi Syarh Huruf al-Ma'āniy*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 23.

¹²⁷ Pendefinisian di atas berdasarkan dari analisis paradigmatic terhadap ayat-ayat yang mengandungi kata *al-Dhikr* Berdasarkan ayat-ayat tersebut Syaḥrūr berkesimpulan bahawa *al-Dhikr* adalah bentuk

al-Quran. Dengan begitu *al-Kitāb* memiliki dua karakter iaitu: *al-Muṣḥaf* (bentuk tertulis dari *al-Kitāb*), *al-Dhikr* (bentuk yang terucapkan dari *al-Kitāb*).

Kedua adalah istilah *al-Furqān* didefinisikan sebagai: Sepuluh wasiat yang diturunkan kepada Nabi Musā, Isā dan Muḥammad s.a.w.¹²⁸ juga dikenal dengan (*al-Ṣirāt al-Mustaqīm*), seperti yang dinyatakan dalam surah al-'An'ām (6): 151, 152, 153.

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾ وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ۖ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾ وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu :

1. Janganlah kamu sekutukan dengan Allah dengan sesuatu pun.
2. Hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa.
3. Janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.
4. Janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi.
5. Janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh

redaksi linguistik pada seluruh *al-Kitāb* yang dapat difahami manusia. Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 61 – 64 dan 213.

¹²⁸ Pendefinisian terhadap istilah *al-Furqān*. Adalah hasil kajian Syaḥrūr terhadap kata *al-Furqān* dalam *al-Kitāb* yang disebut sebanyak enam kali dengan redaksi *Ma'rifah*, seperti dalam surah al-Baqarah (2): 53, 185:

وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: dan (kenangkanlah) ketika Kami turunkan kepada Nabi Musa Kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat petunjuk.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 53.

Kemudian beliau berkesimpulan bahawa *al-Furqān* adalah kandungan wasiat yang diturunkan kepada Nabi Musā, Isā dan Muḥammad s.a.w. Lihat: Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 64 – 68.

- Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.
6. Janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri).
 7. Sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya.
 8. Apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu).
 9. Perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhi-Nya).
 10. Bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

Terjemahan surah al-'An'ām (6): 151, 152, 153.

Daripada ketiga-tiga istilah di atas iaitu: pertama *al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*, yang sebagai konsep kunci dasar dari keseluruhan istilah, kedua *al-Dhikr* dan ketiga *al-Furqān*. Setiap istilah tersebut mempunyai kaitan dengan istilah-istilah yang lain, seperti:

al-Sab' al-Mathānī (Tujuh yang berulang) adalah: Tujuh ayat pembuka surah *Mutashābih*. *Mathānī* seperti ayat pertama surah al-Baqarah, tujuh ayat ini terdiri dari empat belas huruf, bersifat *Mutashābih* dan difahami secara relatif seiring dengan perkembangan pengetahuan yang tersedia pada satu zaman¹²⁹.

Tafṣil al-Kitāb (Penjelasan dari *al-Kitāb*) kata *Tafṣil* dari sisi bahasa memiliki dua erti: pertama huraian atau penjelasan. Kedua: pemisah sesuatu secara material sama ada dari aspek waktu mahupun lokasi¹³⁰. Daripada kedua-duanya dapat difahami bahawa *Tafṣil al-Kitāb* adalah: Penghimpunan secara konkrit antara satu ayat dengan ayat yang lain dalam *al-Kitāb*. Seperti ketetapan susunan surah dan jumlah ayat dalam *al-Kitāb*,

¹²⁹*Ibid.*, h.h. 96 – 99.

¹³⁰Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā (t.t.), *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, j.4. h. 505.

susunan ayat dalam setiap surah tidak ditetapkan berdasarkan tertib turunnya ayat (*al-Tartīb al-Nuzūl*), tetapi susunan tersebut merupakan ketetapan wahyu¹³¹.

'Umm al-Kitāb (Induk *al-Kitāb*) adalah: Himpunan seluruh ayat-ayat yang membentuk risalah Muhammad. Di dalamnya terkandung makna ibadah ritual, batasan-batasan hukum (*al-Ḥudūd*) dan ajaran-ajaran¹³².

Lawḥ Maḥfuz adalah: Muatan hukum-hukum universal yang mengatur keberadaan dan ketepatan segala eksistensi, sejak permulaan penciptaan sehingga akhir kehidupan sampai pada pembalasan pahala di Syurga dan dosa di Neraka¹³³.

al-Kitāb al-Maknūn adalah: Sebagai rangkaian program yang membawa konsekuensi penerapan atau pengaplikasian hukum alam universal sebagai sebuah informasi¹³⁴.

Imām Mubīn adalah: Muatan hukum-hukum praktikal yang berlaku pada fenomena alam dan tindakan manusia setelah tindakan tersebut terjadi¹³⁵.

Rubūbiyyah adalah derivasi dari kata *Rabb* yang bermakna kepunyaan dan penguasaan.¹³⁶ Menurut Syaḥrūr *Rubūbiyyah* adalah: Realiti yang objektif di luar kesedaran manusia, yang merupakan relasi antara Allah dan seluruh makhluk-Nya dalam penguasaan, pengaturan dan pemilikan¹³⁷.

¹³¹ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 121 – 122.

¹³² *Ibid.*, h. 112.

¹³³ *Ibid.*, h. 92.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ Abd al-A'lā al-Mawdūdī (1980), *Empat Istilah dalam al-Quran*. Abdullah Said (terj.), Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. h. 29 - 30.

¹³⁷ Muhammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 123.

Ulūhiyyah adalah derivasi dari kata *Ilah* bermakna Tuhan, pelindung, atau sesembahan.¹³⁸ Menurut Syaḥrūr *Ulūhiyyah* adalah: Pengakuan dari manusia yang berakal bahawa Allah adalah Tuhan sembahannya, pengakuan terhadap keesaan-Nya dan mentaati perintah-Nya¹³⁹.

Al-Nubuwwah adalah: Sekumpulan pengetahuan tentang alam, sejarah dan hakikat wujud objektif, *Ḥaqīqah al-Wujūd al-Ma'nawī*¹⁴⁰.

Al-Risālah adalah: Kaedah-kaedah yang bertindak bagi manusia, baik berupa ibadah, muamalat dan akhlak¹⁴¹. Menurut Syaḥrūr, risalah yang terdapat dalam *al-Kitāb* tersebut mengandungi lima tema penting, iaitu *al-Ḥudūd*, *al-'Ibādah*, *al-Akhlāq*, *al-Ta'limāt* yang bersifat umum dan khusus, juga *al-Ta'limāt* (ajaran-ajaran) yang bersifat berperingkat¹⁴².

Inzāl adalah: Pemindahan maklumat dari bentuk yang tidak dapat difahami oleh manusia kepada bentuk yang dapat difahami oleh manusia¹⁴³.

Tanzīl adalah: Pemindahan maklumat yang berada di luar kesedaran manusia, hal tersebut iaitu *Tanzīl* dan *Inzāl* dalam masa dua puluh tiga tahun. Dalam risalah ada kaitan antara *Inzāl* dan *Tanzīl* kerana semuanya adalah langsung daripada Allah¹⁴⁴.

¹³⁸ Abūl 'A'lā al-Mawdūdī (1980), *op.cit.*, h. 8.

¹³⁹ Syaḥrūr mengumpamakan konsep *Rubūbiyyah* dan *Ulūhiyyah* seperti struktur negara, *Rubūbiyyah* adalah kekuasaan dan pemilikan, *Ulūhiyyah* adalah ketaatan melalui mekanisme hukum dan perundangan. Lihat: Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h. 129.

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 104 – 106.

¹⁴¹ Sahiron Syamsuddin (2002), *Studi Al-Quran Kontemporer: Metode Intratekstualitas Muḥammad Syaḥrūr dalam Penafsiran al-Quran*, Yogyakarta: PT. Tiara Wacana. h. 135 – 136.

¹⁴² Muḥammad Syaḥrūr (1990), *op.cit.*, h.h. 103 – 109.

¹⁴³ *Ibid.*, h. 149

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 153

Istilah-istilah di atas, adalah sebagai pengantar dan pengenalan untuk mengkaji *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Begitu juga memberikan wacana baru dalam pendefinisian istilah-istilah yang berhubungan dengan kajian al-Quran. Penulis mendapati bahawa pendefinisian istilah yang dilakukan oleh Syaḥrūr adalah salah satu langkah pembaharuan dalam mentafsir al-Quran untuk ditelaah dan dikaji.

3.4. Kesimpulan

Bab ketiga ini merupakan pengenalan dan perumusan kajian. Daripada huraian di atas dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Muḥammad Syaḥrūr adalah seorang jurutera yang mendalami kajian linguistik dan falsafah, kemudian beliau mengaplikasikannya terhadap kajian al-Quran.
2. Dengan pengaplikasian tersebut Muḥammad Syaḥrūr menghasilkan karya-karya yang dikenal sebagai *Dirāsāt Islāmiyyah* (pengajian Islam) yang dihasilkan secara bersinambungan.
3. Untuk membaca karya pertama Muḥammad Syaḥrūr, perlu memahami istilah-istilah yang beliau hasilkan sebagai *dekonstruksi* (pembongkaran secara total) terhadap pemahaman yang sudah mapan dan kukuh.

Pada bab selanjutnya adalah inti daripada kajian, iaitu analisis terhadap pendekatan hermeneutik dari pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku beliau.